

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 14 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7134

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian dalam tahanan Polis yang telah berlaku sehingga hari ini. Jelaskan kenapa langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk menghalang kematian dalam tahanan polis daripada berlaku adalah tidak berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan yang menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian akan diambil semada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik tahanan mati dalam lokap polis pada tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) mengikut punca kematian seperti berikut:-

**STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS
MENGIKUT PUNCA KEMATIAN BAGI
TAHUN 2009 HINGGA 2014 (SEPTEMBER)**

BIL	PUNCA KEMATIAN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUM
1	HIV					1	1	2
2	SAKIT ASMA	1						1
3	SAKIT JANTUNG		3	1	2	1	1	8
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG)	3	5	15	13	15	12	63
5	GANTUNG DIRI	2	1	1	4	2		10
6	DI CEDERA KAN POLIS	1				1		2
JUMLAH		7	9	17	19	20	14	86

Bagi mengatasi kematian dalam lokap, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baru di antaranya:-

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit / kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi kepada tahanan lain hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;
- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM. Lawatan pihak SUHAKAM adalah untuk menentukan tahanan yang ditahan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual"; tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak; dan

- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan.**

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak dan sekali gus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7135

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah statistik di seluruh negara jenayah gengsterisme yang berlaku di sekolah mulai 2010 hingga 2014. Apakah punca golongan ini terlibat dan langkah mengatasi yang diambil Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kegiatan gangsterisme dalam negara ketika ini hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak dan lapisan masyarakat, ianya juga menjadi topik hangat yang dibincangkan dalam forum, seminar dan juga dalam perbahasan di Parlimen. Pelbagai senario kejadian yang mempunyai hubungkait dengan tindakan gangsterisme seperti penggunaan senjata api, pemerasan, ugutan, rompakan, pelacuran dan kegiatan perjudian haram disiarkan saban hari di media cetak dan elektronik seluruh negara. Unsur “gangsterisme” turut di kesan di sekolah-sekolah seperti kejadian buli dan peras ugut turut berlaku di kalangan anak-anak yang masih bersekolah, tapi kes sedemikian amat kecil dan terpencil.

Antara faktor yang dikaitkan dengan perlakuan jenayah di negara ini yang melibatkan kaum belia seperti berikut:-

i) Pengaruh Dadah / Minuman Keras

Rangsangan dadah dan alkohol ini menyebabkan penggunaanya hilang kawalan dan menjadi lebih berani. Keberanian ini mendorong kepada perlakuan jenayah seperti membunuh, merompak dan sebagainya. Di samping itu bagi penagih-penagih tegar, mereka sentiasa perlukan

bekalan yang berterusan dan bagi yang tidak mempunyai pekerjaan, mereka rela melakukan jenayah asalkan ketagihan dapat dilepaskan.

ii) Pengaruh Negatif media massa

Tidak dapat disangkal lagi bahawa keterbukaan dalam dunia globalisasi hari ini membuka ruang berlakunya jenayah. Internet begitu berpengaruh kerana sifatnya yang dapat merintangai sempadan negara, sukar ditapis, disekat dan dihalang. Bahan-bahan lucah, unsur ganas, tahyul dan seks bebas akan mewujudkan masyarakat yang semakin rosak dan tidak mustahil remaja akan mencuba aksi ganas dan memberahikan. Akibatnya mereka terjerumus seks bebas, sumbang mahram dan sebagainya.

iii) Kejutan Budaya

Daripada segi ketidakseimbangan antara kaum yang terlibat dengan jenayah adalah disebabkan terdapatnya kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari kampung, estet-estet ke bandar-bandar besar. Di samping ketidakseimbangan hidup, kemerosotan moral dan pengangguran mendorong kepada perlakuan jenayah.

**Statistik Jenayah Gengsterisme Dalam Kalangan Pelajar Sekolah
Bagi Tahun 2010 Sehingga Ogos 2014 adalah seperti berikut:-**

KONTINJEN	2010	2011	2012	2013	2014 (OGOS)
PERLIS	0	0	0	0	0
KEDAH	0	0	0	0	0
P.PINANG	0	0	0	0	0
PERAK	0	0	0	0	1
SELANGOR	7	2	5	3	1
K. LUMPUR	2	2	3	1	3
N. SEMBILAN	0	0	0	0	0
MELAKA	0	0	0	0	0
JOHOR	0	3	0	0	9
PAHANG	7	8	7	4	0
TERENGGANU	0	0	0	0	0
KELANTAN	0	0	0	0	0
SABAH	0	0	0	0	0
SARAWAK	2	2	0	0	0
JUMLAH	18	17	15	8	14

PDRM telah menubuhkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) sebagai inisiatif mengurangkan jenayah pada 16 Jun 2013. Di bawah strategi keenam JPJKK iaitu "Memainkan *consultative role* kepada komuniti, intitusi pendidikan, intitusi perniagaan, agensi kerajaan dan NGO" bertujuan memberikan kesedaran pencegahan jenayah kepada masyarakat termasuk di kalangan pelajar sekolah. Antara langkah yang diambil seperti berikut:-

- i) Papan kenyataan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) sekolah. Bertujuan untuk mengaktifkan peranan dan tanggungjawab Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS), ianya juga untuk memantau aktiviti dan program KPJ ini. Di antara pengisian papan kenyataan ini adalah aktiviti KPJ, tips-tips pencegahan jenayah dan keratan akhbar berkaitan pencegahan jenayah. Penyerahan pertama telah dilakukan di Johor pada 29 Oktober 2013 dan sehingga 30 Jun 2014 sebanyak 569 papan kenyataan telah diedarkan kepada sekolah terpilih di seluruh negara.
- ii) Menempatkan pegawai polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah untuk bekerjasama dengan pihak sekolah bagi membendung kegiatan buli dan gangsterisme di sekolah. Melalui cara ini juga, pihak polis boleh mendapatkan maklumat berkaitan perkara ini

dengan cara mudah dan tepat.

- iii) **Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan kegiatan buli dan gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Melalui pendekatan ini, ianya akan menyedarkan pelajar-pelajar tentang bahayanya penglibatan mereka di dalam kegiatan jenayah buli dan gangsterisme. Pelajar-pelajar juga dapat didedahkan tentang undang-undang berkaitan yang boleh diambil tindakan oleh pihak berkuasa.**

- iv) **Menyediakan peti surat maklumat di setiap sekolah yang mana pelajar-pelajar boleh menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti buli dan gangsterisme tanpa mendedahkan identiti mereka.**

- v) **Mengadakan kaunseling dan perjumpaan ke atas pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin bagi tujuan pemantauan.**

- vi) **Jalinan kerjasama antara pihak polis dengan Persatuan Ibubapa dan guru-guru di dalam menangani perlakuan jenayah buli dan gangsterisme di sekolah.**